



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Semester I, Sesi Akademik 2020/2021**

**Kertas Soalan
Peperiksaan Akhir**

Kod Kursus : SJ4307
Nama Kursus : Undang-Undang Keluarga Islam
Peringkat Kursus : Sarjana Muda
Masa : 3 jam

Arahan:

Jawab empat (4) soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN 1 (15 Markah)

- (a) Jelaskan perempuan yang boleh dikahwini menurut Undang-Undang Keluarga Islam Brunei. (7 Markah)
- (b) Jika sesuatu perkahwinan melibatkan seorang perempuan yang tiada mempunyai wali dari nasab mengikut Hukum Syara', perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan oleh Wali Hakim. Sila jelaskan:
- i. maksud wali dari nasab. (2 Markah)
 - ii. maksud Wali Hakim. (2 Markah)
 - iii. keadaan yang membenarkan akad nikah dilakukan oleh Wali Hakim. (4 Markah)

SOALAN 2 (15 Markah)

- (a) Jelaskan prosedur permohonan perkahwinan berikut:
- i. perkahwinan pertama bagi perempuan yang mempunyai bapa. (4 Markah)
 - ii. perkahwinan ketiga bagi perempuan yang telah habis tempoh 'iddah. (4 Markah)
- (b) Warganegara Brunei yang berkahwin di luar negara dikehendaki mendaftarkan perkahwinannya di Negara Brunei Darussalam.
- Sila jelaskan masa dan cara pendaftarannya. (7 Markah)

SOALAN 3 (15 Markah)

(a) Bab 61, tertakluk kepada hukum Syara', Mahkamah boleh memerintahkan seseorang suami supaya membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya. Sila jelaskan:

i. maksud nafkah.

(2 Markah)

ii. isteri yang boleh menerima nafkah dan jenis nafkah.

(3 Markah)

iii. bekas isteri yang boleh menerima nafkah dan jenis nafkah.

(3 Markah)

(b) Bab 57, seorang perempuan yang diceraikan oleh suaminya boleh memohon mut'ah kepada Mahkamah. Sila jelaskan:

i. maksud *mut'ah* dan kadar *mut'ah*.

(3 Markah)

ii. perempuan yang boleh menerima *mut'ah*.

(2 Markah)

iii. perempuan yang tidak boleh menerima *mut'ah*.

(2 Markah)

SOALAN 4 (15 Markah)

(a) Asla mengusahakan sebidang tanah sawah yang dimilikinya melalui pembahagian harta secara faraidh. Setelah berkahwin, isterinya yang bernama Bisrah telah membantu kerja-kerja penanaman padi pada tanah sawah itu selama beberapa tahun. Daripada hasil jualan padi, mereka dapat membeli sebuah kereta Toyota. Tiga tahun selepas pembelian kereta itu, Asla menceraikan Bisrah. Sila nyatakan:

i. jenis harta yang boleh dituntut oleh Bisrah.

(2 Markah)

ii. bagaimana cara Bisrah bagi mendapatkan haknya pada harta itu.

(3 Markah)

iii. kadar yang diterima oleh Asla dan Bisrah.

(3 Markah)